

Oleh **INTAN SUHANA
CHE OMAR**

intan.suhana@mediamulia.com.my

KEBELAKANGAN ini, semakin ramai yang cakna dengan penggunaan bekas makanan mesra alam apabila 'tapau' makanan di luar.

Ia bukan sahaja lebih selamat, malah penggunaan bekas makanan seumpama ini juga mampu menyelamatkan kelestarian alam serta mengatasi isu lambakan sampah yang telah lama bertapak di negara ini.

Menyokong usaha ke arah bumi hijau itu, Universiti Putra Malaysia (UPM) tampil dengan inovasi bekas makanan berasaskan sabut kelapa yang lebih mudah dilarikan, murah serta efektif.

Ketua pasukan penyelidik, Prof. Madya Dr. Siti Salwa



Jadi bekas makanan, kurangkan sisa buangan

menawarkan daya ketahanan yang tinggi untuk menampung berat makanan sehingga

Sabut kelapa ganti plastik, polisterin

Prof. Madya Dr. Siti Salwa Abd. Gani berkata, inovasi baharu itu menggabungkan konsep biodegradasi berasaskan sabut kelapa yang menyumbang kepada kelestarian alam sekitar.

Ia digunakan sebagai alternatif bagi menggantikan penggunaan plastik, polisterin dan sebagainya.

“Pendekatan yang diambil untuk menghasilkan inovasi ini adalah menarik berbanding bekas makanan yang berada di pasaran dengan mengetengahkan konsep *From Waste to Wealth* menjadikannya sebagai daya penarik pengguna terutama bagi pencinta alam sekitar,” katanya.

Inovasi itu juga selaras dengan ketetapan Barisan Jemaah Menteri Malaysia pada tahun 2018 telah membangunkan Pelan Hala Tuju Malaysia Ke Arah Sifar Plastik Sekali Guna menjadikan inisiatif yang diambil oleh penyelidik UPM sebagai langkah proaktif yang mendukung cita-cita tersebut melalui perkongsian kepakaran menghasilkan inovasi bekas makanan sabut kelapa.

Hal ini kerana, sejak sekian lama bekas makanan berasaskan plastik menyumbang kepada isu global memandangkan ia mengambil masa yang lama sehingga menjangka 10 hingga 50 tahun untuk mereput dan lupus.

Keadaan itu juga menyumbang kepada pemanasan global dan pengumpulan gas rumah hijau selain mengancam keseimbangan ekosistem.



SITI SALWA ABD. GANI

Perangai segelintir masyarakat yang gemar membuang plastik sampah merata-rata sehingga menyebabkan laut dan pantai dipenuhi sampah serta meragut nyawa hidupan akuatik yang menyangka sampah adalah makanan mereka.

Oleh itu, inovasi bekas makanan mudah lupus berkenaan dapat menghentikan bekas makanan daripada terus menjadi faktor penyumbang pencemaran alam sekali gus memulihara ekosistem kehidupan.

URUS SISA TANAMAN

Industri berasaskan pokok kelapa merupakan yang keempat terbesar dan terpenting di Malaysia.

Ia juga bermaksud, sisa tanaman dan sabut kelapa adalah murah dan mudah didapati menjadikannya bahan asas yang baik untuk menghasilkan inovasi hijau.

Selain mudah didapati dan harga yang murah, teknologi ini juga

MURAH, praktikal dan mudah didapati merupakan antara keistimewaan sabut kelapan dalam menghasilkan sesuatu produk.



mencapai satu kilogram (kg). “Konsep yang diterapkan ternyata memberi kelebihan tentang perhatian yang diberikan dengan menukarkan sisa terbuang menjadi bahan penting komponen bekas makanan demi memastikan kelestarian alam sekitar dan pengurangan sisa tanaman sabut kelapa dapat dicapai,” kata Salwa.

Tambahnya, produk berkenaan turut dibangunkan dengan kos yang murah dan mudah didapati bagi menjamin penggunaannya secara meluas dalam setiap lapisan masyarakat.

Ciptaan yang telah dipatenkan itu juga dijangka menerima sambutan hangat kerana faedah yang ditawarkan terutama kepada pengusaha makanan.

Selain itu, Salwa berkata pihaknya turut memandangkan serius hasrat kerajaan dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) antarabangsa untuk memastikan keseimbangan ekosistem.

Ia juga salah satu langkah melaksanakan dasar kerajaan dalam memanfaatkan sisa tanaman serta mengurangkan penggunaan plastik dan polisterin.

“Oleh itu perkara ini menjadi fokus utama dalam penghasilan inovasi ini dengan memastikan ia mudah terurai dan cepat dibiodegradasi menjadikannya alternatif terbaik menggantikan polisterin dan plastik,” katanya.